

09 NOV 1998

Mahkamah-Anwar (Personaliti)

MAHKAMAH DIBERITAHU PERANAN PERSONALITI

KUALA LUMPUR, 9 Nov (Bernama) -- Mahkamah Tinggi di sini hari ini diberitahu mengenai peranan yang dimainkan oleh sesetengah personaliti yang nama mereka disebut dalam surat-surat penarikan balik bagi membersihkan nama Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada dakwaan salahlaku seksual.

Datuk Mohamed Said Awang berkata surat penarikan balik dakwaan itu yang ditulis oleh Azizan Abu Bakar dan Ummi Hafilda Ali mengandungi nama-nama personaliti seperti Dr Ristina Majid, Mohd Taib Salamon, B.K.Tan, Datuk Aziz Shamsuddin dan Norzilah Jalil.

Beliau berkata dalam surat Azizan, dinyatakan bahawa Dr Ristina memainkan peranan dalam kes ini kerana Ummi Hafilda dan Azizan, bekas pemandu Anwar, ditahan di rumahnya manakala Mohd Taib pula menyamar sebagai pegawai Cawangan Khas.

"Saya pasti mengenai Mohd Taib tetapi saya tidak tahu tentang Tan. Beliau sepatutnya mengikuti Mohd Taib," kata Mohamed Said.

Beliau mengesahkan bahawa Mohd Taib ialah bekas pegawai Cawangan Khas tetapi diberhentikan daripada jabatan itu sebelum Ogos 1997.

Mohamed Said memberi keterangan itu semasa pemeriksaan balas oleh Gurbachan Singh, seorang daripada sembilan peguam Anwar, pada hari keenam perbicaraan kes rasuah bekas timbalan perdana menteri itu.

Ketika ditanya sama ada pengakuan Azizan dalam surat itu dibuat secara sukarela, Mohamed Said berkata: "Ya, saya setuju tetapi ia adalah selepas operasi mengubah pendirian kami."

Surat itu juga menyebut Aziz, yang menurut Mohamed Said dikenalnya sebagai seorang daripada setiausaha Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Surat Ummi Hafilda pula menyebut Norzilah Jalil, isteri kedua Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, sebagai "rakan baiknya" dan orang yang menerima surat itu, yang mengandungi dakwaan terhadap Anwar.

Norzilah kemudian menyerahkan surat itu kepada suaminya, yang selepas itu memberikannya kepada bekas Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin.

Gurbachan: Adakah ini peranan personaliti-personaliti yang disebut dalam surat-surat itu?

Mohamed Said: Ya.

Gurbachan: Adakah Cawangan Khas mengendalikan penyiasatan itu berdasarkan peranan personaliti-personaliti ini terutamanya Megat Junid dan Daim?

Mohamed Said: Kami mempunyai maklumat mengenainya.

Mohamed Said berkata mereka juga mengetahui peranan yang dimainkan oleh Dr Ristina dalam mengaturkan pertemuan antara Mohd Taib dan Tan dengan Aziz.

Ketika ditanya sama ada surat Azizan mengandungi ayat yang mengesahkan motif penulis itu ialah untuk "memerangkap" atau "menjerat" Anwar, Mohamed Said berkata: "Ya, ada satu ayat yang membawa maksud demikian."

-- BERNAMA

SBB AHH NAK